



**S.M.J.K. SEG HWA  
SEGAMAT JOHOR**

**PENDIDIKAN MORAL  
TINGKATAN 5**

**Nama :** \_\_\_\_\_



## Unit 1: Buat Baik Dibalas Baik

### KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN

Keyakinan wujudnya Tuhan sebagai pencipta alam dan mematuhi segala suruhanNya berlandaskan pegangan agama masing-masing selaras dengan prinsip Rukun Negara.

#### **Kandungan akademik - Tuhan melihat segala tingkah laku manusia.**

Kepercayaan beragama dalam kehidupan perlu dilakukan.

- Setiap manusia mempunyai tanggungjawab terhadap Tuhan.
- Pembalasan Tuhan kepada manusia terhadap setiap amalan hidupnya.

#### *Penerapan nilai 1*

Kita mesti melaksanakan tanggungjawab kepada Tuhan dengan mengikut segala ajaran agama.

Contoh : bersembahyang, menghormati orang tua, menghargai nyawa, menderma dengan ikhlas dan sebagainya.

#### *Penerapan nilai 2*

Kita mesti menerima kenyataan bahawa segala tindakan yang kita lakukan sama ada baik atau buruk akan mendapat pembalasan daripada Tuhan. Tuhan memberikan pembalasan kepada umat manusia dengan ganjaran dan hukuman.

Perbuatan baik – ganjaran dalam bentuk kesihatan, kekayaan & kebahagiaan.

Perbuatan jahat – hukuman dengan ditimpa bala / tragedi terhadap diri & keluarga.

Perbuatan	Balasan
~ Menebang pokok / hutan secara haram dan berleluasa	~ Banjir kilat ~ Tanah runtuh
~ Pembakaran terbuka dan pembebasan CFC yang berlebihan	~ Penipisan ozon ~ Bumi menjadi panas ~ Kesihatan terancam
~ Perbuatan maksiat, hubungan sejenis dan sumbang mahram	~ Dosa besar ( tidak boleh masuk syurga ) ~ Maut ~ Penyakit berjangkit

## Unit 2 : Hindari Rasuah , Rakyat Bertuah

### AMANAHAH

Sikap bertanggungjawab yang boleh menimbulkan kepercayaan dan keyakinan orang lain.

### Kandungan akademik - Insan yang amanah dipandang mulia

Perangi rasuah musuh negara.

- Implikasi rasuah terhadap diri, keluarga dan negara.
- Peranan kerajaan dalam menangani isu rasuah:
  - ~ Pendidikan – P.Moral, P Agama, Sivik & Kewarganegaraan
  - ~ Jentera pentadbiran kerajaan – Kepimpinan melalui teladan 1983  
- Slogan BCA
  - ~ Undang-undang – Akta Pencegahan Rasuah 1997 & Akta Rahsia Rasmi 1972

### Penerapan Nilai 1:


Kita mestilah bersikap amanah dalam menjalankan tugas dan kewajipan setiap masa.

Contoh

- a) Menjalankan tugas mengikut peraturan dan prosedur.
- b) Tidak menyeleweng / menyalahgunakan kuasa.
- c) Bekerja berdasarkan pegangan agama.
- d) Tidak curi tulang semasa bertugas.

### Penerapan Nilai 2:

Kita harus mengelakkan diri daripada terjebak dalam gejala rasuah.



<u>Kesan kepada diri</u>	<u>Kesan kepada keluarga</u>	<u>Kesan kepada negara</u>
<ul style="list-style-type: none"><li>• Dikenakan hukuman</li><li>• Boleh dipenjarakan / didenda</li><li>• Diisytiharkan muflis</li><li>• Hilang kepercayaan</li><li>• Tekanan emosi dan psikologi</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Dipandang hina/ serong</li><li>• Imej keluarga terjejas</li><li>• Harta milik dianggap haram</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Merosakkan imej negara</li><li>• Menghalang pelaburan asing</li><li>• Menjejaskan pentadbiran negara</li></ul>

## Unit 3: Maruah Dijaga Diri Terpelihara

### HARGA DIRI

Keupayaan dan keyakinan diri agar mampu memulia dan menjaga maruah diri dalam kehidupan.


#### Kandungan akademik – Prinsip hidup mencerminkan identiti diri

Pegangan hidup yang kukuh membentuk maruah diri.

- maruah diri perlu dipelihara
- tidak melakukan perbuatan sumbang ~ seks luar nikah  
~ pelacuran

*Penerapan Nilai 1:*

Kita mestilah menjaga maruah diri.



*Penerapan Nilai 2:*

Kita mestilah mempertahankan maruah diri.

Mendekatkan diri dengan amalan baik:

- Bersembahyang / berpegang teguh pada didikan agama
- Berbangga dengan diri sendiri dan keluarga
- Mengetahui dan menghargai nilai-nilai positif yang ada pada diri sendiri
- Hidup bermatlamat dan terancang
- Gaya hidup sihat
- Lapangkan masa dengan ahli keluarga
- Memenuhi masa lapang dengan aktiviti yang berfaedah

## Unit 4: Perancangan Teliti Menjamin Kejayaan

### BERTANGGUNGJAWAB

Kesanggupan diri seseorang untuk memikul dan melaksanakan tugas serta kewajipan dengan sempurna.

#### Kandungan akademik – Sikap bertanggungjawab menjamin masa depan

Perancangan secara bertanggungjawab kunci kejayaan hidup.

- perancangan untuk masa depan ~ perbelanjaan
  - ~ kerjaya
  - ~ kehidupan dewasa dan berkeluarga

#### Penerapan Nilai 1:

Kita mestilah merancang masa depan dengan penuh tanggungjawab.

- mengurus rapi perancangan masa depan sendiri sebagai persediaan dan mengetahui cara untuk melaksanakannya.

perbelanjaan (tidak belanja berlebihan)

#### ~ Perbelanjaan Keperluan

- Perbelanjaan tetap untuk barangan dan perkhidmatan perlu.

#### ~ Perbelanjaan pertimbangan

- Perbelanjaan mengikut keadaan kewangan

~ Merancang kerjaya berdasarkan:

- Personaliti
- Kebolehan
- Minat
- Kemampuan sebenar

### Perancangan untuk masa depan

#### Kehidupan Dewasa dan Berkeluarga

- Keluarga bahagia
- Hidup selesa
- Melahirkan zuriat yang meneruskan tradisi kekeluargaan

#### Penerapan Nilai 2:

Kita perlu mempunyai strategi untuk merancang masa depan.

#### Contoh:

Kerjaya (mencari kerja)

#### Langkah pertama:

- Kenal pasti jenis-jenis pekerjaan di pasaran
- Mempunyai sikap yang positif
- Pastikan jenis pekerjaan yang diminati
- Buat perancangan yang teliti

### **Di mana mencari kerja?**

- Iklan di surat khabar utama, radio, dan TV
- Jabatan Sumber Manusia
- Kawan dan saudara-mara
- Sekolah
- Agensi kerajaan
- Sumber lain

### **Kesan tidak merancang masa depan dengan baik:**

#### 1 Perbelanjaan

- ~ tiada simpanan untuk kegunaan masa kecemasan
- ~ kemungkinan berhutang kerana berbelanja lebih

#### 2 Kerjaya

- ~ tidak dapat mencapai cita-cita sendiri / tidak berjaya dalam hidup
- ~ tidak suka & berminat pada kerjaya yang diceburi

#### 3 Kehidupan dewasa dan berkeluarga

- ~ tidak dapat menyediakan diri dari segi mental, fizikal & kewangan
- ~ tidak dapat mengatasi masalah rumah tangga yang mungkin timbul

## Unit 5: Harimau Mati Meninggalkan Belang, Manusia Mati Meninggalkan Nama

### HEMAH TINGGI

Beradap sopan dan berbudi pekerti mulia dalam pergaulan seharian.

#### Kandungan akademik – Hemah tinggi membentuk peribadi mulia

Peribadi mulia menjadi ikutan dan disanjung tinggi.

Peribadi mulia tokoh-tokoh dicontohi:

- tokoh-tokoh ahli fikir ( Imam Al-Ghazali, Socrates, Confucius, Swami Vivekananda)
- tokoh-tokoh pemimpin negara ( Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak, Mahatma Ghandi )

#### *Penerapan Nilai 1:*

Kita mestilah mempelajari cara-cara berhemah tinggi dalam pergaulan.

<u>Tingkah laku</u>	<u>Pertuturan</u>
Berpakaian sopan Bertingkah laku sopan Lemah lembut Tidak berlakuan kasar	Bertutur dengan sopan Tidak meninggikan suara Menggunakan kata-kata hormat

#### *Penerapan Nilai 2:*

Kita mesti mencontohi sikap hemah tinggi yang diamalkan oleh tokoh-tokoh yang berperibadi mulia.

Contoh :

- 1 Imam al-Ghazali (ulama agung Islam )
- 2 Confucius ( tokoh falsafah Cina )
- 3 Socrates ( ahli fikir Greek )
- 4 Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj
- 5 Mahatma Ghandi ( pemimpin India terkenal )

#### **Sebab-sebab kita harus mencontohi sikap hemah tinggi tokoh-tokoh tersebut:**

- dihormati masyarakat / dipandang tinggi
- disegani pihak lawan
- berjaya memimpin masyarakat
- dikagumi masyarakat, sahabat dan keluarga
- merapatkan hubungan dengan rakyat & pemimpin dalam & luar negara
- mudah menawan hati rakyat & pemimpin asing

## Unit 6: Toleransi Menjamin Kesejahteraan Masyarakat

### TOLERANSI

Kesanggupan bertolak ansur, sabar, dan mengawal diri bagi mengelakkan berlakunya pertelingkahan dan perselisihan faham demi kesejahteraan hidup.

#### Kandungan akademik - Toleransi kunci keharmonian negara.

Toleransi membantu merealisasikan dasar negara.

- Pengagihan kekayaan negara ~ Dasar Pembangunan Nasional
- Kepelbagaian kebudayaan dan kesenian ~ Dasar Kebudayaan Kebangsaan

#### Penerapan Nilai 1:

Kita harus bertolak ansur dalam menerima dasar yang dijalankan oleh kerajaan.

#### Contoh:

<u>Dasar Pembangunan Nasional (DPN)(1991-2020)</u> Penekanan dasar pembangunan seimbang: <ul style="list-style-type: none"><li>• Sosial-Ekonomi</li><li>• Negeri-negeri</li><li>• Bandar/ luar Bandar</li><li>• Pengagihan kekayaan</li></ul> Matlamat DPN: <ul style="list-style-type: none"><li>• membasmi kemiskinan</li><li>• menyusun semula masyarakat</li></ul>	<u>Dasar Kebudayaan Kebangsaan (DKK)(1971)</u> Tiga prinsip utama: <ul style="list-style-type: none"><li>• Kebudayaan Kebangsaan Malaysia hendaklah berteraskan kebudayaan rakyat asal di rantau ini.</li><li>• Unsur-unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar boleh diterima</li><li>• Islam menjadi unsur yang penting dalam pembentukan Kebudayaan Kebangsaan</li></ul>
---	--

#### Program Pembangunan Rakyat Termiskin ( PPRT )

- ~ mengurangkan kemiskinan rakyat tanpa mengira kaum
- ~ menyediakan kemudahan asas untuk penduduk bandar & luar Bandar
- ~ membuka lebih banyak peluang ekonomi untuk golongan berpendapatan rendah

#### Penerapan Nilai 2:

Kita mestilah menyokong dasar yang dilaksanakan demi menjamin keharmonian masyarakat.

Sosial	Ekonomi
Contoh: <ul style="list-style-type: none"><li>• Citra Seni</li><li>• Pesta Senirama</li><li>• Perarakan Hari Kebangsaan</li><li>• Citra Warna</li><li>• Pesta Flora</li></ul>	Contoh: <ul style="list-style-type: none"><li>• Dasar Ekonomi Baru ~ Pembangunan ~ Kesaksamaan</li><li>• Rancangan-rancangan Malaysia ~ Rancangan Malaysia ke-8 (2001-2005)</li><li>• Rancangan Malaysia ke-9 hingga ke-11 (2006-2020)</li></ul>

#### Kebaikan mengamalkan sikap toleransi dalam kehidupan bermasyarakat:

- ~ mengelakkan perselisihan faham antara kaum
- ~ menjamin keharmonian hidup bermasyarakat
- ~ membantu kerajaan melaksanakan dasar-dasar tertentu dengan lebih berkesan
- ~ menjamin hubungan baik terus berkekalan antara kaum

#### Kesan tidak mengamalkan sikap toleransi:

- ~ timbul perselisihan faham yang boleh mencetuskan pertumpahan darah
- ~ prasangka antara kaum wujud
- ~ keharmonian hidup bermasyarakat terjejas

#### Cadangan aktiviti meningkatkan sikap toleransi antara kaum:

- ~ sukan / sukaneka / ~ permainan tradisional / ~ jamuan dan sambutan perayaan pelbagai kaum & agama

## Unit 7: Rakyat Berdikari Negara Cemerlang

### **BERDIKARI**

Kebolehan dan kesanggupan melakukan sesuatu tanpa bergantung kepada orang lain.

#### **Kandungan akademik - Berdikari menjamin kemajuan negara.**

Masyarakat berdikari negara maju.

Amalan berdikari dalam pelbagai bidang ~ politik  
~ ekonomi

#### *Penerapan Nilai 1:*

Kita mesti berusaha sendiri dan tidak semata-mata mengharapkan bantuan untuk berjaya.

Contoh :

Masyarakat Malaysia menunjukkan amalan berdikari ketika kegawatan ekonomi.

~ menolak bantuan Tabung Mata Wang Antarabangsa ( IMF)

#### **Langkah kerajaan mengatasi kegawatan ekonomi :**

- menyekat aliran keluar wang tunai melebihi RM10,000 ke luar negara
- menggalakkan rakyat membeli barangan tempatan dan melancong di dalam negara.
- Menetapkan kadar pertukaran mata wang setiap US Dollar dengan RM3.80.

#### **Kesan sekiranya negara bergantung kepada bantuan negara asing:**

- Rakyat ~ terpaksa menanggung beban hutang melalui kenaikan cukai.
- Masyarakat ~ hilang rasa bangga terhadap negara dan berasa tidak puas hati dengan kerajaan.
- Negara ~ dipandang rendah oleh negara lain & tidak akan dipercayai untuk tujuan pelaburan.

#### *Penerapan Nilai 2:*

Kita menaikkan nama negara dengan kejayaan yang dicapai melalui usaha sendiri.

Contoh:

Malaysia telah mencapai banyak kemajuan dengan mengamalkan sikap berdikari.

- Ekonomi ~ kemajuan dalam ICT, MSC  
~ perubahan ekonomi pertanian kepada ekonomi perindustrian.  
~ taraf hidup rakyat meningkat.
- Politik ~ kestabilan politik yang disegani masyarakat antarabangsa.  
~ penganjuran persidangan bertaraf antarabangsa.  
~ hubungan baik dengan semua negara di dunia.
- Pendidikan ~ sekolah bestari  
~ sebagai pusat pendidikan antarabangsa yang cemerlang.

## Unit 8: Kerajinan Menjamin Kejayaan

### **Kerajinan**

Usaha yang berterusan penuh dengan semangat ketekunan, kecekalan, kegigihan, dedikasi, dan berdaya maju dalam melakukan sesuatu perkara.

### **Kandungan akademik - Masyarakat yang rajin disanjung tinggi.**

Sumbangan tamadun silam dalam mencapai kecemerlangan.

Sikap dedikasi, kecekalan dan ketekunan manusia zaman silam sebagai panduan kejayaan

- tamadun awal ~ kesenian, seni bina dan muzik
- kebangkitan semula selepas ditimpa mala petaka ~ peperangan & bencana alam

### *Penerapan Nilai 1:*

Kita mesti mencontohi sikap kerajinan yang diamalkan oleh masyarakat silam.

### Contoh:

Aspek seni bina silam – dibuat tanpa teknologi yang canggih sebaliknya hanya menggunakan tenaga manusia semata-mata.

- Bangunan Taj Mahal di India
- Tembok Besar di Negara China
- Piramid di Mesir
- Menara Condong Pisa di Itali

### *Penerapan Nilai 2:*

Kita perlu meneladani sikap kerajinan masyarakat Jepun.

~ rajin belajar terutama mata pelajaran Sains

~ rajin berbincang

~ rajin mencipta sesuatu yang baru

~ rajin bekerja ( kerja lebih masa )

### Contoh:

\* Kebangkitan semula Jepun selepas Perang Dunia Kedua.

\* Kejayaan:

- Menjadi antara negara termaju di dunia
- Mencipta barang elektrik dan elektronik yang canggih
- Kemajuan infrastruktur
- Aspek-aspek lain

### **Dasar Pandang ke Timur 1982**

~ bertujuan menggalakkan rakyat Malaysia mengambil dan menerima pakai nilai-nilai yang baik seperti

- semangat mencintai negara
- kesungguhan dalam pekerjaan
- etika pengurusan kerja yang baik

## Unit 9: Masyarakat Prihatin Kampung Ceria

### **KASIH SAYANG**

Kepekaan dan perasaan cinta yang mendalam serta berkekalan yang lahir daripada hati yang ikhlas.

#### **Kandungan akademik - Budaya penyayang pegangan hidup.**

Sikap prihatin menjamin kesejahteraan masyarakat.

- prihatin dan menangani masalah dalam masyarakat ~ gejala sosial

#### *Penerapan Nilai 1:*

Kita mestilah prihatin terhadap masalah sosial dalam masyarakat.

#### **Gejala sosial yang perlu ditangani:**

##### **~ Budaya lepak**

- Sikap suka membazirkan masa tanpa melakukan kerja berfaedah dan terlibat dalam masalah lain

##### **~ Hubungan seks yang tidak sah**

- Hubungan tanpa perkahwinan yang boleh mengakibatkan penyakit seperti AIDS

##### **~ Jenayah berat**

- Seperti perogolan, pembunuhan, gangsterisme, penculikan, vandalisme, peras ugut, dan seumpamanya.

##### **~ Penagihan dadah / rokok**

- Sikap berjinak-jinak dengan rokok sehingga boleh terjebak dalam penagihan candu, dadah, dan sebagainya.

#### *Penerapan Nilai 2:*

Kita mesti bersikap prihatin dan melibatkan diri dalam menangani masalah sosial.

#### ***Cara menangani masalah sosial:***

1. Menyediakan aktiviti berfaedah bagi golongan yang suka melepak seperti Program Rakan Muda, Progran Khidmat Negara, aktiviti riadah, dan lain-lain.
2. Memberi kesedaran melalui sistem pendidikan dari peringkat rendah tentang gejala negatif ini.
3. Menganjurkan kempen untuk memberi maklumat tentang kesan gejala sosial.
4. Setiap anggota masyarakat berganding bahu menegur, melapor, dan bertindak jika berhadapan dengan masalah ini.
5. Memberi didikan agama yang sempurna dari kecil dan mengukuhkannya sepanjang masa.
6. Menggubal dan menguatkuasa undang-undang pencegahan yang lebih serius.

## Unit 10: Amalan Keadilan Menjamin Kesejahteraan

### KEADILAN

Tindakan dan keputusan yang saksama serta tidak berat sebelah.

#### Kandungan akademik - Keadilan teras kesejahteraan negara.

Keadilan menjamin pentadbiran yang kukuh.

- Amalan keadilan dalam pentadbiran kerajaan
  - ~ pemberian ganjaran dan hukuman
  - ~ pembayaran pelbagai jenis cukai
  - ~ pembahagian rumah kos rendah

#### Penerapan Nilai 1:

Kita mesti akur dengan prinsip keadilan yang diamalkan oleh kerajaan dalam pentadbiran

#### A) Keadilan dalam pemberian ganjaran dan hukuman

- Pemberian biasiswa kepada pelajar yang cemerlang
- Hukuman yang sama dan setimpal mengikut undang-undang tanpa mengira taraf sosial dan ekonomi
- Layanan yang sama rata kepada semua rakyat mengikut peruntukan dalam Perlembagaan Malaysia


#### B) Keadilan dalam pembayaran pelbagai jenis cukai

- ~ Cukai bersifat progresif iaitu lebih tinggi pendapatan atau lebih lumayan cara hidup seseorang, maka cukai yang dikenakan juga lebih tinggi.
- ~ Jenis2 cukai : Cukai pendapatan, C. Jualan, C. Eksais, C. Pengangkutan dll

Tujuan kerajaan mengenakan cukai :

- menggunakan hasil cukai untuk membiayai perbelanjaan kerajaan
- merapatkan jurang perbezaan pendapatan
- melindungi industri muda
- mengurangkan permintaan terhadap barangan tertentu seperti minuman keras & tembakau.

#### C) Keadilan dalam pembahagian rumah kos rendah – Program Perumahan Rakyat



## Unit 11: Pertimbangan Rasional, Penyelesaian Terbaik

### RASIONAL

Boleh berfikir berdasarkan alasan dan bukti yang nyata dan dapat mengambil tindakan berdasarkan pertimbangan yang wajar.

#### Kandungan akademik - Pemikiran rasional penting dalam menangani konflik.

Penyelesaian masalah secara objektif dan menyeluruh.

Langkah penyelesaian sesuatu masalah ~ meramal, mencari bukti, menganalisis bukti & membuat keputusan.

#### Penerapan Nilai 1:

Kita mesti mengetahui langkah-langkah penyelesaian masalah yang bijak.

Langkah	Cara	Teknik
1	Meramal	Menyenaraikan sebanyak mungkin punca yang menimbulkan sesuatu masalah pada diri atau masyarakat.
2	Mencari bukti	Mencari maklumat dan bukti yang benar dan sah supaya punca utama dapat disahkan dan punca lain diketepikan.
3	Menganalisis bukti	Mengkaji semua maklumat dan bukti untuk merangka cara penyelesaian yang terbaik.
4	Membuat keputusan	Memilih cara penyelesaian yang terbaik untuk mengatasi masalah yang dihadapi.

Contoh Masalah: Kegiatan gangsterisme semakin meluas di kalangan remaja masa kini.

#### Langkah 1: Meramal punca

- Remaja terdedah dengan amalan gangsterisme di persekitaran
- Pengaruh media massa @ Pengaruh rakan sebaya
- Kurang penguatkuasaan undang-undang
- Sikap remaja yang suka memberontak
- Kurang kawalan ibu bapa

#### Langkah 2: Mencari bukti

- Menjalankan temu bual, kajian, dan soal selidik remaja yang terlibat dalam gangsterisme
- Menyemak rekod polis dan data

#### Langkah 3: Analisis bukti

- Menggunakan data yang diperoleh untuk membuktikan punca sebenar yang menjadi penyumbang tertinggi kepada masalah
- Menggariskan cara-cara penyelesaian yang efektif

#### Langkah 4: Membuat keputusan

- Berpandukan cara penyelesaian yang disenaraikan, pilih dan laksanakan cara yang terbaik
- Contoh:
  - Mengadakan kempen anti gangsterisme
  - Menguatkuasakan undang-undang yang lebih ketat
  - Mendidik dari peringkat awal melalui sistem pendidikan

## Unit 12: Duduk Sama Rendah , Berdiri Sama Tinggi

### KESEDERHANAAN

Bersikap tidak keterlaluan dalam membuat pertimbangan dan tindakan sama ada dalam pemikiran, pertuturan atau perlakuan tanpa mengabaikan kepentingan diri dan orang lain.

#### Kandungan akademik – Kesederhanaan asas keharmonian hidup


Kesederhanaan menjamin keseimbangan pembangunan negara.

Kesederhanaan dalam dasar-dasar kerajaan

- pembangunan insan
- pembangunan fizikal

#### Penerapan Nilai 1:

Kita mesti menyokong usaha kerajaan dalam menyeimbangkan pembangunan insan dan fizikal.



Usaha kerajaan dalam menyeimbangkan pembangunan insan dan pembangunan fizikal

Pembangunan Insan	Pembangunan Fizikal
1. Pembinaan tempat ibadat seperti masjid, tokong, kuil, gereja, dan sebagainya.	1. Pembinaan Koridor Raya Multimedia (MSC)
2. Penerapan nilai-nilai murni melalui sistem pendidikan seperti mata pelajaran Pendidikan Moral dan Pendidikan Islam.	2. Pembinaan infrastruktur seperti LRT, KTM Komuter, KLIA dan sebagainya.
3. Kempen yang memupuk nilai murni seperti Kempen Masyarakat Penyayang, Kempen Derma Darah dan sebagainya.	3. Kempen yang memajukan diri seperti “Satu rumah, satu komputer”, kempen pemilikan rumah dan sebagainya.
4. Sumbangan tenaga remaja yang cintakan negara melalui Program Khidmat Negara.	4. Peningkatan taraf hidup melalui saham, pelaburan, perniagaan dan sebagainya.

#### Tiga perkara dalam pembangunan yang seimbang

- ① Hubungan manusia dengan Tuhan ( sembahyang / menuruti agama, amalan nilai positif, peka terhadap orang lain )
- ② Hubungan manusia dengan manusia ( persaudaraan, perpaduan kaum, hormat-menghormati, kasih sayang )
- ③ Hubungan manusia dengan alam sekitar ( pemeliharaan, pemuliharaan, kitar semula, menghargai alam )

**Sebab dasar kerajaan menitikberatkan keseimbangan dalam pembangunan insan dan fizikal.**

- 1 dapat melahirkan rakyat yang bukan saja cekap tetapi bermoral
- 2 semua rakyat dapat merasai kekayaan negara agar tiada golongan yang terabai
- 3 dapat melahirkan golongan pekerja yang jujur dan tidak menyeleweng dalam menjalankan tugas
- 4 keseimbangan alam sekitar dapat dikekalkan sejajar dengan pembangunan fizikal

Bukti : Sistem pendidikan Malaysia menitikberatkan pembangunan insan & fizikal

- melalui matapelajaran khusus
  - ~ pembangunan insan : P Moral, P Islam, Sejarah, Pengajian Am
  - ~ pembangunan fizikal : Kemahiran Hidup, Lukisan kejuruteraan, Kemahiran Komputer

## Unit 13: Kasih Dipupuk, Sayang Disemai

### KASIH SAYANG TERHADAP KELUARGA

Perasaan cinta, kasih dan sayang yang mendalam dan berkekalan terhadap keluarga.

#### Kandungan akademik - Sikap prihatin memupuk kasih sayang terhadap anggota keluarga

Tanggungjawab menjaga ibu bapa dan anggota keluarga ialah satu amanah.

- penjagaan ibu bapa dan anggota keluarga yang tua, uzur & yang memerlukan.


#### Penerapan Nilai 1:

Kita mestilah menjaga ibu bapa dengan penuh kasih sayang.

- Melayan dengan baik.
- Sentiasa memuliakan ibu bapa.
- Mendengar nasihat dan teguran dengan baik.
- Melaksanakan tanggungjawab menjaga ibu bapa.
- Bertutur kata dengan sopan dan berhemah.
- Tidak menyinggung perasaan ibu bapa.

#### Penerapan Nilai 2:

Kita mesti menjaga anggota keluarga yang memerlukan perhatian.



## Unit 14: Asuhan Baik Keluarga Harmoni

### HORMAT DAN TAAT KEPADA ANGGOTA KELUARGA

Memuliakan setiap anggota keluarga dengan berinteraksi dan memberi layanan secara bersopan untuk mewujudkan keluarga yang harmonis.

#### Kandungan akademik - Hormat-menghormati membentuk peribadi keluarga

Saling menghormati antara anggota keluarga dipupuk melalui asuhan yang baik.

- cara asuhan yang baik ~ kepimpinan melalui teladan  
~ hukuman yang positif  
~ interaksi yang bersopan ( ucapan terima kasih & memohon maaf )

#### Penerapan Nilai 1:

Kita mestilah menghormati dan menerima asuhan keluarga.

#### Orang dewasa mengasuh kita melalui teladan.

1. Peribahasa: Bagaimana acuan begitulah kuihnya.
  - Anak-anak membawa perlakuan dan pertuturan yang diperhatikan daripada orang dewasa seperti anggota keluarga.
2. Peribahasa: Seperti ketam menyuruh anaknya berjalan betul.
  - Orang dewasa yang tidak berkelakuan baik tidak boleh memimpin anak-anak berkelakuan baik.
3. Peribahasa: Bapa borek, anak rintik.
  - Jika bapa berperangai baik, anak akan mencontohinya, begitu juga sebaliknya.
4. Peribahasa: Guru kencing berdiri, anak murid kencing berlari.
  - Golongan dewasa yang mendidik anak-anak perlu menunjukkan teladan yang baik kepada mereka.

#### Penerapan Nilai 2:

Kita mesti mengasuh anak-anak dengan hukuman yang positif.

Hukuman positif	Hukuman negatif
<ul style="list-style-type: none"><li>• Menegur dengan suara yang lembut.</li><li>• Hukuman berpatutan dengan kesalahan dan tidak keterlaluan.</li><li>• Menerangkan keseriusan kesalahan yang boleh membawa kesan buruk.</li><li>• Tidak mengaitkan kesalahan baru dengan kesalahan lalu.</li><li>• Hukuman yang membina seperti membaiki kesalahan yang dilakukan.</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Menengking dengan suara yang kuat.</li><li>• Hukuman yang keterlaluan dan beransur penderaan atau penganiayaan.</li><li>• Mengaitkan sesuatu kesalahan dengan sifat anak seperti nakal, bodoh, jahat.</li><li>• Memalukan dengan menggunakan gelaran yang tidak baik.</li><li>• Hukuman yang mendera.</li></ul>

#### Contoh hukuman positif:

1. Membaca buku dan dilarang menonton televisyen.
2. Menghafal kata-kata positif untuk dijadikan amalan.
3. Membantu anggota keluarga membasuh pinggan / kain.
4. Membantu orang yang terlibat dalam masalah, contohnya adik, kakak.

## Unit 15: Tradisi Diamal, Warisan Dikekal

### MENGEKALKAN TRADISI KEKELUARGAAN

Menerima, menghormati dan mengamalkan sesuatu kebiasaan, adat dan kepercayaan yang diwarisi secara turun-temurun dalam keluarga.

#### Kandungan akademik - Tradisi kekeluargaan khazanah budaya bangsa.

Pengekalan tradisi kekeluargaan tanggungjawab bersama.

Peranan kerajaan dan agensi bukan kerajaan dalam mengekalkan adat resam kekeluargaan pelbagai keturunan.


- Muzium
- Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan
- Arkib Negara
- Kelab Budaya

#### *Penerapan Nilai 1:*

Kita mesti menerima peranan pelbagai agensi dalam usaha mengekalkan adat resam kekeluargaan.

##### 1 Muzium Negara dan Muzium Negeri:

- mengadakan pameran berkala tentang adat resam pelbagai kaum.
- Mengajukan minggu kebudayaan tentang pakaian, adat perkahwinan, alat muzik, dan sebagainya.
- Mengadakan pameran bertema mengikut sesuatu kaum, contoh Muzium Orang Asli, Gombak.
- Pameran berasaskan sesebuah budaya, contoh Muzium Budaya Sarawak.



##### 3 Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan

- Dokumen bertulis tentang kebudayaan dan kesenian pelbagai masyarakat di Malaysia.
- Menyebarkan maklumat tentang budaya bangsa negara kepada rakyat dan warga asing melalui seminar, bengkel, kumpulan penari kelab budaya dan sebagainya.
- Mengekalkan warisan tradisi masyarakat Malaysia berteraskan Dasar Kebudayaan Kebangsaan.

##### 4 Kelab Kebudayaan sekolah dan negeri

- Mengajar tarian tradisional kepada ahli kelab.
- Latihan drama, dramatari dan pentomin budaya.
- Lawatan ke pusat-pusat kebudayaan.
- Mengadakan ceramah tentang kebudayaan dan adat resam.
- Pesta budaya seperti Citra Seni dan Pesta Senirama.
- Latihan nyanyian seperti dikir barat, boria, dondang sayang dan sebagainya.

#### Kesan sekiranya tradisi kekeluargaan pelbagai kaum tidak dipelihara:

1 kepupusan tradisi kekeluargaan pelbagai bangsa

2 kehilangan identiti sesuatu bangsa

3 generasi muda tidak kenal budaya sendiri

4 generasi muda lebih senang terpengaruh dengan budaya luar / Barat

## Unit 16: Budi Dikenang, Jasa Disanjung

### TANGGUNGJAWAB TERHADAP KELUARGA

Kewajiban yang harus dilaksanakan oleh setiap individu terhadap keluarga untuk melahirkan keluarga bahagia, meningkatkan imej dan menjaga maruah keluarga.

#### **Kandungan akademik - Keharmonian keluarga mencerminkan anggotanya**

Kewajiban terhadap keluarga membentuk kesejahteraan keluarga.

Kewajiban menjaga keharmonian keluarga secara menyeluruh dalam pelbagai aspek.

- Kewajiban sosial – pendidikan, keselamatan, kepemimpinan
- Kewajiban ekonomi – sumber rezeki yang halal
- Kewajiban agama – ibu bapa sebagai model dan pendidik agama

#### *Penerapan Nilai 1:*

Kita mesti menghormati tanggungjawab ibu bapa dalam melaksanakan kewajiban mereka.

### **Ibu dan bapa pemimpin keluarga**

#### **Kewajiban Sosial**

- Memberi pendidikan formal kepada anak-anak.
- Menyediakan suasana hidup yang selesa dan selamat.
- Memastikan keselamatan anak-anak sepanjang masa.
- Menjadi contoh teladan yang baik sebagai ketua keluarga dalam mendidik akhlak anak-anak.

#### **Kewajiban Agama**

- Memperkenalkan agama dan ajaran agama kepada anak-anak.
- Mengajar cara bersembahyang.
- Menerapkan akhlak baik mengikut ajaran agama.

#### **Kewajiban Ekonomi**

- Mencari sumber rezeki yang halal untuk menanggung anak-anak.
- Menyediakan makanan, minuman dan pakaian sekadar mampu.
- Menanggung perbelanjaan asas untuk pendidikan, tempat tinggal dan keselesaan anak-anak.
- Tidak memaksa anak-anak mencari nafkah sebelum cukup dewasa.

#### *Penerapan Nilai 2:*

Kita mesti tahu cara-cara menghormati tanggungjawab yang dilaksanakan oleh ibu bapa.

- Tidak memandang hina pekerjaan ibu bapa.
- Bersederhana dalam perbelanjaan mengikut kemampuan keluarga.
- Berbangga dengan segala pencapaian ibu bapa.
- Berdoa untuk kesejahteraan dan kebahagiaan ibu bapa.
- Sentiasa mengingati jasa ibu bapa dan membalas budi mereka dengan menjaga dan memberi layanan yang baik.
- Mematuhi dan mentaati nasihat dan tunjuk ajar ibu bapa.

## Unit 17: Manusia Penyelamat Alam

### MENYAYANGI DAN MENGHARGAI ALAM SEKITAR

Kesedaran tentang perlunya memelihara dan memulihara alam sekeliling untuk mengekalkan keseimbangan ekosistem.

Kandungan akademik - Kemapanan alam sekitar untuk kebaikan sejagat.

Kemapanan alam sekitar tanggungjawab bersama.

Peranan dan tanggungjawab agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan dalam mencegah eksploitasi sumber yang berlebihan.

- Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara ( Perhilitan )
- Jabatan Perikanan
- World Wide Fund for Nature ( WWF )

*Penerapan Nilai 1:*

Kita mestilah menerima wujudnya badan-badan yang bertanggungjawab terhadap kemapanan alam sekitar.


Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN)	<ul style="list-style-type: none"><li>• Menguruskan kawasan hutan perlindungan.</li><li>• Memberi perlindungan kepada warisan flora dan fauna.</li><li>• Memantau tindakan manusia supaya tidak memudaratkan sumber hutan secara berlebihan.</li><li>• Menguatkuasakan undang-undang berkaitan kesalahan melibatkan perlindungan hidupan liar dan taman negara.</li></ul>
Jabatan Perikanan	<ul style="list-style-type: none"><li>• Menangkap pihak yang merosakkan hidupan laut dengan menggunakan tuba, racun, pukut harimau dan sebagainya.</li><li>• Mengadakan rondaan di pesisir pantai dan kawasan tukun tiruan.</li><li>• Menangkap penceroboh kawasan perikanan milik negara.</li></ul>
Jabatan Perhutanan	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kewajipan mengelak eksploitasi hutan yang berlebihan.</li><li>• Menangkap dan mendenda pembalok haram.</li><li>• Mengawas dan memantau kawasan hutan simpan.</li><li>• Mengadakan kem kesedaran dan bengkel tentang kepentingan menjaga sumber hutan.</li></ul>
Tabung Alam Malaysia (World Wide Fund for Nature Malaysia)	<ul style="list-style-type: none"><li>• Memulihara alam sekitar dan proses ekologi.</li><li>• Memelihara kepelbagaian spesies dan ekosistem.</li><li>• Memastikan sumber semula jadi digunakan / dimanfaatkan secara bijaksana.</li><li>• Menjalankan pelbagai kegiatan untuk mengurangkan pencemaran serta penggunaan optimum sumber alam tanpa pembaziran.</li></ul>

**Kesan buruk jika flora dan fauna digunakan secara berlebihan :**

- 1 ekosistem dan keseimbangan alam akan terganggu
- 2 kepupusan flora & fauna yang penting bagi mewujudkan keseimbangan alam
- 3 pergantungan kita terhadap flora & fauna untuk meneruskan kemandirian akan tergut

**Cara anda untuk bantu memulihara flora & fauna daripada terancam :**

- 1 menyertai dan menyokong kempen memelihara hidupan liar dari semasa ke semasa
- 2 melaporkan kegiatan negatif seperti pembunuhan hidupan liar, penebangan pokok kepada WWF Malaysia.
- 3 mengamalkan kitar semula dalam cara hidup seharian untuk mengurangkan penggunaan sumber yang berlebihan
- 4 mengutip derma melalui jualan barangan terpakai



## Unit 18: Bijaksana Mengurus Alam

### KEHARMONIAN ANTARA MANUSIA DENGAN ALAM SEKITAR

Keadaan saling memerlukan hubungan harmonis antara manusia dengan alam sekeliling supaya kualiti kehidupan manusia dan alam terpelihara.

#### **Kandungan akademik - Manusia sebagai pengurus alam yang bijaksana.**

Keharmonian antara manusia dengan alam sekitar perlu untuk mengelakkan berlakunya bencana alam.

- penerokaan hutan secara terkawal
- pembangunan yang terancang ~ Empangan Kenyir , Terengganu  
~ Empangan Hoover, Amerika Syarikat  
~ Empangan Aswan, Mesir
- \*\* pembinaan empangan yang menitikberatkan kerosakan minimum terhadap penduduk dan alam sekitar.

#### *Penerapan Nilai 1:*

Kita mesti menyokong usaha-usaha pengurusan alam yang bijaksana.

#### **Cara pengurusan alam yang bijaksana:**

- Penebangan balak yang terkawal / berkala.
- Pembinaan empangan yang mesra alam.
- Penanaman semula kawasan yang ditebang untuk pembalakan.
- Mengawal kegiatan perlombongan.
- Penerokaan hutan secara terkawal dan terancang.
- Penanaman lereng bukit secara berterles.
- Mengehadkan aktiviti penarahan kawasan bukit atau gunung.
- Mengharamkan kegiatan pertanian pindah.

#### *Penerapan Nilai 2:*

Kita harus menyedari akibat buruk jika alam tidak diurus dengan bijaksana.

1. Banjir kilat
2. Tanah runtuh
3. Kemusnahan nyawa
4. Kemarau berpanjangan
5. Pemanasan bumi
6. Pencemaran bumi

#### **Tindakan manusia yang boleh merosakkan alam sekitar:**

- penerokaan secara haram
- pertumbuhan kawasan perindustrian yang tidak terancang
- penerokaan kawasan untuk penternakan
- proses perbandaran
- pembakaran secara terbuka

#### Konsep ekopelancongan

~ usaha memajukan sektor pelancongan dengan memanfaatkan alam sekitar supaya tidak berlaku kerosakan yang teruk

- ~ contoh : Taman Negara di Pahang, Taman Negara Bako di Sarawak,  
Tasik Kenyir di Terengganu, Hutan Simpan Belum di Perak  
Pulau Sipadan di Sabah

## Unit 19: Undang-undang Mengekalkan Kesejahteraan Alam

### KEMAPANAN ALAM SEKITAR

Pengekalan keseimbangan alam sekeliling sebagai tanggungjawab bersama untuk kesejahteraan hidup.

#### Kandungan akademik – Undang-undang memandu manusia ke arah kebaikan

Undang-undang alam sekitar menjamin keseimbangan alam sekitar.

Keperluan dan tanggungjawab mematuhi peraturan dan undang-undang berkaitan dengan kemapanan alam sekitar.

- Akta Kualiti Alam Sekitar

#### Penerapan Nilai 1:

Kita mesti mematuhi segala undang-undang yang melindungi alam sekitar.

#### Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127)

Suatu akta berhubung mencegah, menghapus, mengawal pencemaran dan memperbaiki alam sekeliling.

1. Menyelaraskan segala aktiviti berhubung dengan pelepasan bahan buangan bagi mencegah atau mengawal pencemaran.
2. Mengelaskan kawasan yang perlu dilindungi dan dibaikpulih.
3. Menjalankan pemeriksaan dan penyiasatan tentang sebab-sebab, jenis, takat pencemaran dan tentang cara-cara mencegah pencemaran.
4. Memberi lesson kepada aktiviti yang tidak merosakkan alam sekeliling.
5. Mengenakan peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling berhubung isu-isu alam sekitar dari semasa-semasa.
6. Mengenakan denda dan hukuman bagi kesalahan merosakkan alam sekeliling.

#### Penerapan Nilai 2:

Kita mesti mengetahui peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling dan tujuannya.

Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling	Tahun kuatkuasa	Tujuan
Minyak Kelapa Sawit Mentah	1977	Mengawal kegiatan pelupusan efluen dari kilang memproses kelapa sawit.
Udara Bersih	1978	Mengawal aktiviti pembakaran di kawasan perindustrian, loji, cerobong yang membebaskan bendasing udara ke udara bebas.
Getah Asli Mentah	1978	Mengawal kegiatan pelupusan efluen dari kilang pemprosesan getah mentah.
Kumbahan dan Efluen-efluen Perindustrian	1979	Menetapkan penyediaan sistem kumbahan berpusat bagi semua kilang, premis perniagaan dan kawasan perumahan.
Kawalan Kepekatan Plumbum dalam Gasolin Motor	1985	Menentukan takat kandungan plumbum dalam petrol yang digunakan dalam motor untuk menjaga kualiti udara bebas.
Buangan Terjadual	1985	Mewajibkan pelupusan bahan terjadual ke dalam sistem kumbahan, loji rawatan, insinerator dan makmal.
Kawalan Pelepasan daripada Enjin Diesel dan enjin Petrol	1996	Mengawal kadar dan kepekatan gas terbakar yang dibebaskan ke udara.
Pembakaran Terbuka	2000	Menetapkan syarat-syarat pembakaran terbuka dan aktiviti yang dibenarkan untuk pembakaran terbuka.

**Unit 20: Pengurusan Yang Bijak Menjamin Kelestarian Alam Sekitar**  
**PEKA TERHADAP ISU-ISU ALAM SEKITAR**

Prihatin terhadap persoalan yang berkaitan dengan alam sekeliling dan berusaha menyelesaikannya.

**Kandungan akademik - Masa depan manusia dan alam sekitar bergantung pada gaya hidup masa kini.**


- a) Perancangan dan tindakan manusia menentukan alam sekitar.
- b) Tindakan manusia yang terancang dapat mengekalkan sumber semula jadi
  - sumber tenaga
  - sumber air
  - sumber hutan

Tindakan manusia yang rakus membawa kemusnahan alam sekitar

- ujian nuklear
- peperangan

*Penerapan Nilai 1:*

Kita mesti merancang segala tindakan agar dapat mengekalkan sumber semula jadi.



*Penerapan Nilai 2:*

Kita mesti menghentikan perbuatan negatif yang boleh memusnahkan alam sekitar.

Aktiviti	Kesan
Hentikan ujian nuklear	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembebasan zarah radioaktif ke atmosfera.</li> <li>• Zarah radioaktif boleh menjejaskan hidupan ~ mencacatkan generasi manusia dan fauna</li> <li>• Lapisan tanah yang digunakan untuk tujuan pertanian tercemar.</li> </ul>
Hentikan peperangan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengeboman boleh merosakkan struktur tanah.</li> <li>• Pembakaran loji minyak mengakibatkan kepulan asap hitam menyelubungi ruang udara.</li> <li>• Fenomena hujan asid akibat ledakan bom.</li> </ul>

## Unit 21: Kepelbagaian Budaya Memupuk Keharmonian

### CINTA AKAN NEGARA

Perasaan sayang dan bangga kepada negara serta meletakkan kepentingan negara melebihi kepentingan diri.

#### **Kandungan akademik - Cinta akan negara asas kesejahteraan bersama.**

Keharmonian masyarakat majmuk menjadi kebanggaan negara.

- kepelbagaian agama dan budaya dalam masyarakat menjadi kebanggaan bersama.
  - ~ agama / kepercayaan
  - ~ tradisi dan adat resam
  - ~ bahasa

#### *Penerapan Nilai 1:*

Kita mesti berbangga dengan kepelbagaian agama dan budaya dalam masyarakat di Malaysia.

#### **Masyarakat Malaysia unik dan istimewa:~**

##### **1 Kepelbagaian agama / kepercayaan**

- Islam
- Hindu
- Kristian
- Buddha
- Sikh
- Animisme
- Confusionisme
- Taoisme
- Bahai

##### **2 Kepelbagaian bahasa dan dialek**

- Melayu , Mandarin , Tamil , Urdu , Iban dll

##### **3 Kepelbagaian adat resam**

- Adat perkahwinan / persandingan
- Adat kelahiran
- Adat kematian
- Adat Perpatih
- Adat Temenggung

##### **4 Amalan toleransi & menghormati upacara keagamaan kaum-kaum lain**

#### *Penerapan Nilai 2:*

Kita mesti menerima kepelbagaian agama dan budaya yang memperkaya ciri-ciri masyarakat Malaysia.

1. Asimilasi masyarakat melalui perkahwinan campur.
  - ~ Melahirkan satu masyarakat Malaysia baru.
2. Asimilasi budaya melalui percantuman pelbagai budaya membentuk Dasar Kebudayaan Kebangsaan.
3. Asimilasi pakaian tradisional membentuk pakaian kebangsaan.

## Unit 22 : Rakyat Setia, Negara Jaya

### TAAT SETIA KEPADA RAJA DAN NEGARA

Kepatuhan dan kesetiaan yang berkekalan kepada Raja dan Negara.

#### Kandungan akademik - Kesetiaan kepada negara tanda mendaulatkan negara.

Kedaulatan negara dipertahankan dan disanjung tinggi.


- kedaulatan, pertahanan dan keselamatan negara, tanggungjawab bersama.
  - ~ kerajaan
  - ~ rakyat

#### Peranan kerajaan dalam menjaga keselamatan & kedaulatan negara.

1. sentiasa berusaha mengekalkan keamanan, keselamatan & kedaulatan negara.
2. undang-undang yang digubal dilaksanakan dengan adil.
3. merangka program pertahanan & keselamatan dalam negara bagi mempertahankan negara daripada ancaman luar.
4. mempertingkatkan keupayaan pasukan tentera laut, darat & udara bagi menghadapi sebarang ancaman terhadap negara.

#### Penerapan Nilai 1:

Kita mesti menunjukkan kesetiaan dan mempertahankan kedaulatan negara.



## Unit 23: Rakyat Cemerlang Negara Gemilang

### SANGGUP BERKORBAN UNTUK NEGARA

Kerelaan melakukan atau menyerahkan sesuatu termasuk nyawa sebagai tanda kebaktian untuk negara.

#### **Kandungan akademik - Semangat patriotik mengharumkan nama negara.**

Rakyat sebagai wakil negara di peringkat antarabangsa.

- sikap bertanggungjawab sebagai wakil negara dalam pelbagai bidang.
- penglibatan diri dalam aktiviti yang mencabar untuk menaikkan imej negara
  - ~ ekspedisi ke Gunung Everest
  - ~ ekspedisi ke Kutub Utara dan Selatan
  - ~ pelayaran mengelilingi dunia

#### *Penerapan Nilai 1:*

Kita mesti mencontohi warga Malaysia yang bertindak sebagai duta kecil dan membanggakan negara.

#### **1 Dato' Abdul Malik Mydin:**

~ Berenang merentasi Selat Inggeris sejauh 32.8 km ( 17jam30min 15saat ) pada 30 Ogos 2003.

#### **2 Magendran dan Mohandas:**

~ Rakyat Malaysia pertama yang berjaya sampai ke puncak Gunung Everest.

#### **3 Dato' Azhar Mansor:**

~ Belayar mengelilingi dunia dengan kapal layarnya secara solo.

#### **4 Rahim Dahalan:**

~ mengetuai 16 penerjun negara yang berjaya mendarat di Kutub Utara.

#### *Penerapan Nilai 2:*

Kita mesti bercita-cita menaikkan nama negara di persada antarabangsa.

- Memenangi hadiah Nobel.
- Mencatat nama dalam bidang pendidikan.
- Berusaha mencatat nama dalam Buku Rekod Dunia.
- Mencipta ciptaan sains dan lain-lain.
- Memenangi pertandingan esei / pidato / syarahan



## Unit 24: Melindungi Kanak-kanak Tanggungjawab Bersama

### MELINDUNGI HAK KANAK-KANAK

Membela, memberi naungan dan memelihara hak kanak-kanak bagi menjamin kehidupan mereka yang sempurna.

#### Kandungan akademik - Kanak-kanak berhak disayangi dan dilindungi.

Perlindungan terhadap kanak-kanak tanggungjawab semua pihak.

- Peranan pelbagai pihak dalam melindungi kanak-kanak
  - ~ Kerajaan ( Akta Perlindungan Kanak-kanak – berkaitan dengan penderaan, gangguan seksual dan buruh kanak-kanak.)
  - ~ Rumah-rumah perlindungan
  - ~ Peranan badan bukan kerajaan ( NGO )
  - ~ Peranan individu

#### *Penerapan Nilai 1:*

Kita mestilah menyedari dan menerima peranan pelbagai pihak dalam memberi perlindungan kepada kanak-kanak.

1 **Kerajaan** – menguatkauskan beberapa akta untuk melindungi kanak-kanak seperti Akta Perlindungan Kanak-kanak (1991) pindaan Akta Kanak-kanak 2001

Akta Kanak-kanak 2001 ( Akta 611):

- Merupakan akta untuk menyatukan dan meminda undang-undang yang berhubungan dengan pemeliharaan, perlindungan dan pemulihan kanak-kanak untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dan bersampingan dengannya.

#### 2 **Rumah Perlindungan**

- Kerajaan
  - ~ Jabatan Kebajikan Masyarakat
- Bukan kerajaan
  - ~ “ SHELTER HOMES”

} Memberi perlindungan dan perkhidmatan untuk menentukan pertumbuhan jasmani, mental dan emosi kanak-kanak yang sihat dalam suasana tenteram dan selamat.

#### 3 **Badan bukan kerajaan (NGO)**

- ~ menyedarkan masyarakat perlunya memberi perlindungan kepada kanak-kanak tentang langkah pencegahan dengan menganjurkan seminar untuk mengajar guru guru sekolah rendah mengenal pasti kanak-kanak yang mengalami gangguan seksual dan memberi bantuan kepada mereka.
- ~ mendidik kanak-kanak & memberi pengetahuan tentang cara melindungi diri dan mengelakkan diri daripada menjadi mangsa gangguan seksual.

#### 4 Individu

- ~ membuat laporan kepada pihak berkuasa jika didapati ada kes penderaan kanak-kanak.
- ~ memberi bantuan dengan menyelamatkan mereka daripada terus didera.

##### **Lady Diana:**

- Memberi sokongan dari segi kewangan.
- Melawat kanak-kanak yang kurang bernasib baik.

##### **Ibu A. Mangalam:**

- Menyumbang masa dan tenaga untuk mendidik kanak-kanak yang terbiar, anak yatim dan kanak-kanak yang dianiaya.
- Memberi galakan kepada kanak-kanak tersebut untuk mengembangkan potensi diri mereka.

##### **Mother Theresa:**

- Mengorbankan masa dan tenaga seumur hidup untuk melindungi kanak-kanak yang kurang bernasib baik.
- Sanggup tinggal bersama-sama dan menjaga kanak-kanak yang sakit atau tercedera.



## Unit 25: Wanita Pemangkin Pembangunan Negara

### MENGHORMATI HAK WANITA

Melindungi dan mengiktiraf wanita sebagai individu yang boleh memberi sumbangan dalam pembangunan keluarga, masyarakat dan negara.

#### **Kandungan akademik - Wanita berjasa negara makmur.**

Wanita dalam pembangunan negara.

- Sumbangan wanita dalam pelbagai bidang pembangunan – politik, ekonomi, sosial, sains dan teknologi.

#### *Penerapan Nilai 1:*

Kita perlu mengiktiraf sumbangan wanita dalam pelbagai bidang demi pembangunan negara.

#### **Sumbangan wanita:**

##### Politik : **Datuk Seri Rafidah Aziz / Tan Sri Aishah Ghani**

- Pemimpin wanita UMNO yang berkaliber.
- Memberi dorongan kepada wanita untuk bergiat aktif dalam politik.

##### Sosial : **Puan Elizabeth Vaz / Ibu A. Mangalam**

- Melibatkan diri secara aktif dalam bidang kebajikan.
- Bersedia memberi perlindungan kepada wanita yang teraniaya.

##### Ekonomi : **Puan Maznah Hamid**

- Usahawan wanita yang berjaya.
- Menerajui syarikat kawalan keselamatan

##### Sains dan Teknologi : **Profesor Datuk Dr. Mazlan Othman**

- Wanita pertama Malaysia menjadi Ketua Hal Ehwal AngkasaLepas (PBB).
- Menjadi pelopor bidang astronomi di Malaysia.

#### *Penerapan Nilai 2:*

Kita boleh mengiktiraf sumbangan wanita dengan cara-cara berikut:

- Meraikan Hari Wanita.
- Memberi anugerah wanita yang berjaya dalam pelbagai bidang seperti Tokoh Wanita, Tokoh Keusahawan Wanita dan lain-lain.
- Mengadakan dasar-dasar untuk menjamin hak wanita dipelihara seperti Dasar Wanita Negara.
- Mengabadikan nama mereka pada nama sekolah, jalan, bangunan dalam negara.
- Mencatat nama mereka dalam buku Rekod Malaysia.
- Menganugerahi mereka pingat.

## Unit 26: Undang-undang Melindungi Kebajikan Pekerja

### MELINDUNGI HAK PEKERJA

Menghormati, menghargai dan mengiktiraf perkhidmatan, jasa dan sumbangan golongan pekerja dalam pembangunan negara.

#### **Kandungan akademik - Undang-undang menjamin kesejahteraan pekerja.**

Undang-undang melindungi hak pekerja.

- Undang-undang untuk melindungi pekerja daripada ditindas.
  - ~ Akta Buruh
  - ~ Mahkamah Buruh

#### *Penerapan Nilai 1:*

Kita mestilah menerima dan mematuhi undang-undang yang melindungi hak pekerja.

Sebagai majikan, saya mematuhi Akta Kerja 1955 ( Akta 265 ) :

- Memberi perlindungan perubatan kepada semua pekerja.
- Tidak membuang pekerja-pekerja tanpa memberi sebab-sebab yang berdasar.
- Menyediakan suasana kerja yang selesa dan selamat.
- Membayar gaji pekerja secara berpatutan.
- Menyediakan kemudahan rekreasi kepada pekerja.

#### *Penerapan Nilai 2:*

Mahkamah Perusahaan bertanggungjawab membicarakan kes-kes yang berkaitan dengan pertikaian kerja antara majikan dengan pekerja yang dirujuk kepadanya.

Tindakan anda jika diberhentikan oleh majikan.

- 1 mendapatkan penjelasan lanjut daripada majikan.
- 2 Melaporkan kes kepada Kesatuan Sekerja @ ke pejabat Perhubungan Industri untuk disiasat.
- 3 Merujuk kes ke pejabat Kementerian Sumber Manusia supaya kes boleh dirujuk ke Mahkamah Perusahaan jika kementerian tidak berjaya menyelesaikan masalah.

## Unit 27: Golongan Kurang Berupaya Aset Negara

### MENGHORMATI HAK GOLONGAN KURANG BERUPAYA


Memberi layanan yang bersopan kepada golongan kurang berupaya supaya tidak berasa tersisih dan mengiktiraf mereka sebagai insan ciptaan Tuhan.

### Kandungan akademik – Kecacatan bukan penghalang produktiviti

Golongan kurang berupaya ( GKB ) memainkan peranan penting dalam pembangunan negara. Peranan dan sumbangan GKB dalam pelbagai bidang – politik, ekonomi, sosial

#### *Penerapan Nilai 1:*

Kita mesti menghargai sumbangan golongan kurang berupaya dalam pelbagai bidang demi pembangunan negara.



### Peluang yang diberi oleh kerajaan & pihak lain terhadap GKB

- 1 belajar di pusat pengajian tinggi
- 2 bekerja sebagai guru & pensyarah di pusat pengajian tinggi
- 3 menyertai acara sukan di peringkat antarabangsa
- 4 mengikuti kursus kemahiran
- 5 bekerja di syarikat & di kilang
- 6 mengundi untuk memilih pemimpin negara

## Unit 28: Hak Pengguna Dilindungi Bersama

### MELINDUNGI HAK PENGGUNA

Membela dan memelihara hak individu untuk menjadi pengguna yang berilmu, mendapat perkhidmatan serta barangan yang berkualiti dan tidak mudah dieksploitasi.

#### **Kandungan akademik – Hak pengguna terbelah, masyarakat makmur**

Kebajikan pengguna tanggungjawab semua.

Peranan agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan dalam melindungi serta menjamin hak pengguna.

- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna ( Akta Pengguna )
- Persatuan Pengguna
- Agensi-agensi antarabangsa

#### *Penerapan Nilai 1:*

Kita menghargai peranan agensi kerajaan dan badan-badan bukan kerajaan dalam melindungi dan menjamin hak pengguna.

#### **1 Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna (KPDNHEP)**

~ Merupakan badan induk yang berfungsi menjamin hak pengguna melalui penggubalan undang-undang dan akta.

- **Akta Perlindungan Pengguna 1999**  
~ menggubal 29 akta yang mempertahankan hak pengguna.
- **Tribunal Tuntutan Pengguna 1999**  
~ menjadi saluran kepada pengguna untuk mengemukakan tuntutan tidak melebihi RM5000.
- **Dasar Pengguna Negara 2002**  
~ bermatlamat memberi perlindungan maksimum bagi pengguna dari aspek perundangan dengan menggalakkan amalan perdagangan yang saksama & bertanggungjawab.

#### **2 Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA)**

- Badan bukan kerajaan yang beroperasi di peringkat negeri dan bergabung di bawah satu unit kebangsaan.
- Memperjuangkan hak pengguna dengan mengemukakan bantahan serta informasi yang diperlukan oleh pengguna melalui majalah Utusan Pengguna.
- Menjadi jambatan yang menghubungkan KPDNHEP dengan isu-isu kepenggunaan seperti kenaikan harga, eksploitasi, pelabelan dan sebagainya.
- Persatuan Pengguna Pulau Pinang menganggotai Pertubuhan Pengguna Antarabangsa (CI).

#### **3 Persatuan Pengguna Antarabangsa (CI)**

- Persatuan gabungan lebih 250 persatuan pengguna seluruh dunia.
- Merupakan badan induk yang memperjuangkan hak pengguna.
- Mengadakan persidangan antarabangsa bagi membincangkan isu kepenggunaan.

## Unit 29: Undang-undang Menjamin Keamanan Sejagat

### MEMATUHI PERATURAN DAN UNDANG-UNDANG

Menerima dan mematuhi peraturan dan undang-undang yang telah ditentukan tanpa mengira sesiapa dan di mana seseorang itu berada.

### Kandungan akademik – Undang-undang antarabangsa menjamin kesejahteraan masyarakat global

Undang-undang antarabangsa untuk kebaikan bersama.

Patuh kepada undang-undang antarabangsa seperti

- Akta Pencegahan Penyeludupan
- Undang-undang Laut Antarabangsa
- Undang-undang Siber
- Mahkamah Antarabangsa

#### *Penerapan Nilai 1:*

Kita mesti menerima dan mematuhi undang-undang antarabangsa bagi menjamin keamanan sejagat.

### 1 Akta Pencegahan Penyeludupan

- Mengharamkan pemindahan manusia atau barangan dari sesebuah negara secara haram iaitu tanpa melalui prosedur imigresen.
- Semua negara perlu mematuhi akta ini agar tidak mencetuskan pertelingkahan antara negara kerana penyeludupan mengurangkan pendapatan sesebuah negara.

### 2 Undang-undang Laut Antarabangsa

Berkaitan dengan sebarang jenis pengangkutan air yang meliputi kawasan perairan antarabangsa.

- Mengharamkan pencabulan atau pencerobohan kawasan perikanan, pembuangan sisa toksik dan tumpahan minyak di perairan.

### 3 Undang-undang Siber

- penyalahgunaan internet / komputer
  - ~ menyebarkan fitnah tentang pemimpin & pentadbiran sesebuah negara
  - ~ menyebarkan propaganda
  - ~ menyebarkan maklumat palsu
  - ~ memanipulasi internet untuk tujuan menghasut

### 4 Undang-undang Perdagangan Antarabangsa

### 5 Mahkamah Antarabangsa

### 6 Undang-undang alam sekitar

### 7 Undang-undang hak asasi manusia

### Kesan sekiranya tidak ada undang-undang antarabangsa.

1 negara besar & kaya akan menggunakan pengaruh untuk menindas negara kecil

2 peluasan kuasa oleh negara besar tidak dapat dikawal

3 kegiatan lanun & penyeludupan tidak terkawal

4 keselamatan negara akan terganggu

5 pencerobohan politik, eksploitasi ekonomi, krisis sosial yang berpanjangan akan menjadi punca peperangan & pertelingkahan.

## Unit 30: Media Massa Penyalur Idea

### KEBEBASAN BERSUARA

Kebebasan berucap dan mengeluarkan fikiran dengan batasan tertentu bagi menjaga keselamatan dan ketenteraman.

#### Kandungan akademik – Media saluran komunikasi untuk manfaat bersama

Media sebagai saluran komunikasi.

Peranan media massa sebagai alat perhubungan

- percambahan idea / pendapat
- luahan rasa
- penilaian secara objektif

#### *Penerapan Nilai 1:*

Kita mesti memahami peranan media massa dan menggunakannya dengan berhemah.

#### Peranan Media massa

- ~ saluran komunikasi yang menghubungkan masyarakat dengan berita semasa.
- ~ menyebarkan percambahan idea tentang sesuatu konsep baru.
- ~ memberi ruang kepada pembaca meluahkan perasaan tentang sesuatu isu.

#### Cara memanfaatkan media massa

<b>Percambahan idea / pendapat</b> <ul style="list-style-type: none"><li>• Menyatakan pendapat tentang hal-hal kemasyarakatan.</li><li>• Memberi idea atau pandangan bagi masalah negara.</li><li>• Berkongsi pendapat tentang pelbagai perkara.</li></ul>	<b>Luahan rasa</b> <ul style="list-style-type: none"><li>• Menyatakan perasaan sebenar tentang sesuatu isu atau perubahan.</li></ul> <p>Contoh:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>~ Isu kenaikan bayaran tol, cukai dan sebagainya.</li><li>~ Isu pendidikan.</li><li>~ Isu alam sekitar.</li></ul> <ul style="list-style-type: none"><li>• Memberi sokongan kepada sesuatu isu atau pembaharuan.</li></ul>
--	---

#### Jenis-jenis media massa :

- 1 Media Elektronik – Televisyen, Internet, Radio, E-mel, Telefon, E-buku
- 2 Media cetak - Surat khabar, Buku, Majalah, Pamflet / risalah
- 3 Media pemancaran – Satelit, Telefon bimbit ( sms ), Wayarles

#### Kesan sekiranya media massa disalahgunakan.

- ~ negara akan porak-peranda
- ~ keamanan & keharmonian hidup rakyat akan terjejas
- ~ berlaku perbalahan antara negara

## Unit 31: Kebebasan Beragama Memupuk Keharmonian

### KEBEBASAN BERAGAMA

Kebebasan setiap individu untuk menganuti dan mengamalkan agamanya seperti yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Malaysia.

#### **Kandungan akademik – Kebebasan beragama menjamin kesejahteraan bersama**

Hormati amalan keagamaan setiap individu.

Peranan pelbagai pihak memberikan kebebasan kepada individu untuk mengamalkan kewajipan keagamaan masing-masing.

- kerajaan
- swasta ( cuti / masa pelepasan )

#### *Penerapan Nilai 1:*

Kita mesti menerima bahawa setiap individu bebas dan berhak melakukan kewajipan agama masing-masing.

1. Membina dan menguruskan rumah ibadat.
2. Diberikan cuti am untuk perayaan besar.
3. Kebebasan mengadakan perarakan keagamaan di tempat awam dengan kebenaran bertulis.
4. Kebebasan menguruskan hal ehwal agama masing-masing.
5. Merayakan perayaan keagamaan masing-masing.
6. Diberi kebenaran memohon cuti pada hari perayaan kaum tertentu.
7. Kebebasan mempraktikkan tuntutan dan amalan keagamaan yang dibenarkan.
8. Menubuh dan menyelenggara yayasan bagi maksud agama dan khairat.

## Unit 32: Masyarakat Bertanggungjawab Negara Membangun

### PENGLIBATAN DIRI DALAM PEMBANGUNAN NEGARA

Kebebasan untuk melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti pembangunan negara dengan mematuhi peraturan, undang-undang dan Perlembagaan Malaysia.

#### Kandungan akademik – Rakyat bertanggungjawab negara makmur

Pembangunan negara tanggungjawab setiap rakyat.

Penglibatan pelbagai pihak dalam projek dan program pembangunan negara.

- peranan badan-badan sukarela
- peranan individu / rakyat


#### Penerapan Nilai 1:

Kita mestilah melibatkan diri dalam aktiviti badan sukarela untuk membangunkan negara.

Badan Sukarela	Aktiviti-aktiviti
Kelab Rotary	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kempen derma darah.</li><li>• Kempen menderma barangan terpakai.</li><li>• Pemberian biasiswa kepada pelajar miskin.</li><li>• Mengadakan ceramah kesihatan.</li><li>• Projek membiayai pembinaan perhentian bas</li></ul>
Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia	<ul style="list-style-type: none"><li>• Perkhidmatan kesihatan dan komuniti.</li><li>• Latihan kecemasan</li><li>• Kempen derma darah.</li><li>• Membantu mangsa-mangsa bencana alam dan kebakaran.</li></ul>
Kelab Lion's	<ul style="list-style-type: none"><li>• Tabung "Lifeline Leukaemia"</li><li>• Kem remaja.</li><li>• Projek perpustakaan sekolah.</li><li>• Projek pendidikan.</li></ul>

#### Penerapan Nilai 2:

Cara-cara individu boleh memberi sumbangan kepada pembangunan negara.



## Unit 33: Sikap Keterbukaan Penyelesaian Masalah

### SIKAP KETERBUKAAN

Bersedia, memberi dan menerima pandangan, pembaharuan dan kritikan selaras dengan kebenaran fakta dan norma masyarakat Malaysia.

#### **Kandungan akademik – Tindakan berasaskan saluran yang betul menjamin kepentingan bersama**

Sikap terbuka dalam penyelesaian masalah demi kebaikan bersama.

Amalan sikap keterbukaan dalam menangani sesuatu masalah mengikut saluran tertentu

- pihak berkuasa ( polis, mahkamah )
- agensi kerajaan ( kementerian )
- pihak swasta
- pertubuhan antarabangsa

#### *Penerapan Nilai 1:*

Kita mesti menerima bahawa setiap masalah boleh diatasi mengikut saluran yang betul.

Semua pihak perlu mempraktikkan sikap keterbukaan dalam menangani masalah atau isu:

#### **1 Polis:**

- Menjalankan siasatan kes mengikut prosedur yang ditetapkan.
- Menguatkuasakan undang-undang kepada pesalah tanpa memilih status ekonomi dan politik.
- Menyiarkan informasi tentang pesalah jenayah di media massa.

#### **2 Agensi Kerajaan:**

- Kementerian melaksanakan tugas secara terbuka dengan memaklumkan segala maklumat dan perubahan terkini kepada rakyat.

#### **3 Mahkamah:**

- Mengadili kes-kes yang dihadapkan mengikut lunas undang-undang tanpa penyelewengan.
- Membenarkan pihak awam mengikuti perbicaraan di mahkamah.
- Membenarkan wartawan membuat liputan kes.

Negara kita mengamalkan sikap keterbukaan dalam menangani isu pendatang tanpa izin.

Bukti : Malaysia memaklumkan negara yang dikenalpasti asal usul pendatang tanpa izin.

Kedutaan tersebut diminta membantu rakyat mereka kembali ke negara masing2.

#### **Contoh amalan keterbukaan yang dipraktikkan di negara kita :**

- ~ pemilihan pelajar ke IPTA & IPTS
- ~ pemberian biasiswa
- ~ pemilihan pekerja
- ~ pengendalian kes-kes di mahkamah

## Unit 34: Persefahaman Teras Kedamaian

### HIDUP BERSAMA SECARA AMAN

Hidup berbaik-baik antara satu sama lain dengan mengutamakan kedamaian dan keharmonian hidup tanpa mengira agama, bangsa dan budaya.

#### Kandungan akademik – Persefahaman sejagat menjamin kesejahteraan masyarakat global

Keharmonian global tanggungjawab bersama.

Peranan pertubuhan antarabangsa dalam meningkatkan persefahaman bersama.

- Komanwel
- Pertubuhan Negara-negara Islam ( OIC )
- Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu ( PBB )
- Pertubuhan Antarabangsa lain

#### Penerapan Nilai 1:

Kita mestilah menyokong peranan dan usaha yang dimainkan oleh pertubuhan antarabangsa dalam menjamin kesejahteraan global.

Pertubuhan antarabangsa	Usaha-usaha meningkatkan persefahaman tentang isu global & menjamin kerjasama antarabangsa
<b>Komanwel</b> ~ pertubuhan negara-negara merdeka yang pernah dijajah Britain	<ul style="list-style-type: none"><li>• Mengadakan persidangan dan seminar antara pemimpin negara untuk mendengar pendapat dan cadangan.</li><li>• Menubuhkan Kumpulan Bertindak Peringkat Menteri Komanwel (1999) untuk menjamin kepentingan bersama.</li><li>• Melalui Persidangan Ketua-Ketua Negara Komanwel (CHOGM) mencapai persetujuan bersama dalam pelbagai bidang seperti perdagangan, politik, sosial dan ekonomi.</li></ul>
<b>Pertubuhan Negara-Negara Islam (OIC)</b> ~ memupuk perpaduan kemajuan umat Islam dari segi politik, ekonomi, agama	<ul style="list-style-type: none"><li>• Menandatangani perjanjian persefahaman untuk menangani konflik politik antarabangsa.</li><li>• Mengadakan persidangan untuk membincangkan isu-isu semasa seperti memerangi keganasan.</li><li>• Bersepakat menentang pencerobohan negara lain ke atas negara Islam.</li><li>• Komited dan bekerjasama dengan PBB untuk memerangi segala bentuk diskriminasi dan keganasan.</li></ul>
<b>Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Mengurangkan sengketa politik dan peperangan terbuka secara global.</li><li>• Membantu negara yang dijajah mendapat kemerdekaan.</li><li>• Memberi bantuan dan perlindungan kepada pelarian mangsa peperangan.</li></ul>
<b>Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM)</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Menyelesaikan pertelingkahan melalui rundingan.</li><li>• Menghormati hak asasi manusia dan Piagam PBB.</li><li>• Mengakui persaudaraan antara semua bangsa dan negara.</li></ul>

## Unit 35: Bekerjasama Tonggak Kemakmuran

### SALING MEMBANTU DAN BEKERJASAMA

Usaha yang baik dan membina yang dilakukan bersama pada peringkat individu, komuniti atau negara untuk mencapai sesuatu matlamat.

#### **Kandungan akademik – Saling bekerjasama antara negara menjamin kesejahteraan sejagat**

Usaha baik antara negara dijayakan bersama.

Kerjasama antara negara dalam pelbagai bidang:

- ekonomi
- sosial

#### *Penerapan Nilai 1:*

Kita mesti menyokong usaha kerjasama antara negara dalam pelbagai bidang.

#### **Kerjasama ekonomi:**

- Pembinaan kilang-kilang dan syarikat besar yang menyediakan peluang pekerjaan.
- Perjanjian ekonomi dengan mengimport dan mengeksport bahan mentah dan komoditi siap.
- Bantuan kewangan untuk menyokong ekonomi negara yang memerlukan.

#### **Kerjasama sosial:**

- Program pertukaran pelajar (jangka pendek).
- Program pengajian tinggi dalam pelbagai bidang khususnya perubatan, kejuruteraan dan komputer.
- Penajaan wakil-wakil dari negara lain untuk peningkatan dalam sesuatu bidang.
- Program kebudayaan, pesta bunga dan pertandingan nyanyian untuk mengeratkan hubungan.  
Contoh : Festival Flora Antarabangsa, Festival Filem Antarabangsa dll
- Menaja pelajar asing yang menuntut di IPT tempatan.

#### **Kebaikan bekerjasama dengan negara luar:**

- 1 Mengeratkan hubungan antara negara.
- 2 Dapat menguasai bahasa dan memahami budaya asing.
- 3 Meningkatkan ekonomi negara serantau.
- 4 Dapat mempelajari teknologi moden dari negara lain.
- 5 Dapat menguasai pelbagai kemahiran / ilmu.
- 6 Kehidupan rakyat menjadi lebih aman dan harmoni.
- 7 Negara menjadi lebih maju dalam pelbagai bidang.

## Unit 36: Hubungan Dijalin , Kemesraan Dinikmati

### SALING MENGHORMATI ANTARA NEGARA

Menghargai dan memuliakan hubungan antara negara untuk menjalin kesejahteraan sejagat.

#### **Kandungan akademik – Hormat-menghormati antara negara asas hubungan yang harmoni**

Perhubungan baik antara negara menjamin kebaikan bersama.

Pelaksanaan pelbagai program untuk mewujudkan hubungan baik antara negara.

- politik
- ekonomi
- sosial

#### *Penerapan Nilai 1:*

Kita mesti menyokong dan melibatkan diri dalam pelbagai program bagi mewujudkan hubungan baik antara negara.

#### **Cara-cara saya menyokong program:~**

##### **1. Sosial**

~ Program Pertukaran Pelajar

- Mengikuti program ini dengan mempamerkan nilai dan budaya Malaysia yang positif.
- Menjadi duta kecil negara dan menaikkan nama serta menjalin hubungan yang baik.

~ Pasukan Perubatan (Mediteam)

- Memberikan perkhidmatan yang baik dan sempurna kepada negara yang memerlukan.
- Mengawal tingkah laku dan pertuturan mengikut undang-undang negara tersebut.

##### **2. Politik**

~ Lawatan ketua-ketua negara ke negara lain

- Mempamerkan budaya rakyat Malaysia yang kaya dengan budi pekerti.
- Menyertai program yang diwujudkan semasa lawatan.
- Memberi sambutan meriah kepada wakil-wakil luar semasa lawatan mereka.

##### **3. Ekonomi**

- Mengadakan seminar / persidangan berkaitan dengan isu-isu ekonomi semasa lawatan.
- Lawatan sambil belajar antara pelajar universiti untuk meningkatkan kerjasama aspek ekonomi.

#### **Cara negara kita menjalin hubungan baik dengan negara lain.**

~ mewujudkan kerjasama dalam pelbagai bidang antara negara.

~ menempatkan pegawai diplomat di sesebuah negara.

~ lawatan secara rasmi & tidak rasmi oleh pemimpin negara ke negara lain.

~ mengadakan pertukaran persembahan kebudayaan antara negara di dunia.

~ mengadakan pertukaran pelajar antara negara.

**Kepentingan menjalin hubungan baik antara negara.**

- ~ dapat meningkatkan hasil eksport negara.
- ~ memajukan industri pelancongan.
- ~ dapat hidup secara aman.
- ~ mudah mendapat bantuan sekiranya ditimpa sesuatu musibah.
- ~ dapat bertukar-tukar idea bagi memajukan negara.
- ~ dapat mempelajari bahasa & budaya rakyat negara lain.

**Sikap pemimpin dalam usaha mengekalkan hubungan baik antara negara**

- ~ bersikap saling menghormati & berhemah tinggi dengan pemimpin negara lain.
- ~ mematuhi undang-undang antarabangsa
- ~ menghormati dasar luar yang diamalkan negara lain
- ~ bersikap kerjasama dalam melaksanakan sesuatu program yang melibatkan negara luar
- ~ tidak memandang rendah kebolehan pemimpin & rakyat negara lain



## **AKTA**

1. AKTA PERLINDUNGAN KANAK-KANAK
2. AKTA PENCEGAHAN RASUAH
3. AKTA SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA, MALAYSIA, 1999
4. AKTA PERHUTANAN NEGARA 1984 (PINDAAN 1993)
5. AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974 (PINDAAN 1985, 1996)
6. AKTA ZON EKONOMI EKSKLUSIF 1984
7. AKTA PERUSAHAAN 1967
8. AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI 1960 (ISA)
9. AKTA DADAH BERBAHAYA (1952)
10. AKTA DADAH BERBAHAYA (LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHAN KHAS) 1984
11. AKTA DADAH BERBAHAYA (PERLUCUTAN HARTA) 1988
12. AKTA MAHKAMAH JUVANA 1947
13. AKTA CUKAI PENDAPATAN
14. AKTA HASUTAN 1948 (PINDAAN 1970)
15. AKTA RAHSIA RASMI 1972
16. AKTA KERJA 1955
17. AKTA PERLINDUNGAN PENGGUNA 1999
18. AKTA KAWALAN HARGA 1946
19. AKTA KAWALAN BEKALAN 1961
20. AKTA TIMBANG DAN SUKAT 1972
21. AKTA PERIHAL DAGANGAN 1972
22. AKTA SEWA BELI 1967
23. AKTA HAKCIPTA 1987
24. AKTA JUALAN LANGSUNG 1993
25. AKTA PENCEGAHAN PENYELUDUPAN
26. AKTA TANDATANGAN DIGITAL 1997
27. AKTA JENAYAH KOMPUTER 1997
28. AKTA TELEPERUBATAN 1997
29. AKTA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA 1998
30. AKTA SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA 1998

## **DASAR NEGARA**

1. BERSIH CEKAP DAN AMANAH (BCA)
2. DASAR HUTAN KEBANGSAAN
3. DASAR WANITA NEGARA (DWN)
4. DASAR PEMBANGUNAN NASIONAL (DPN)
5. DASAR PENDIDIKAN KEBANGSAAN
6. DASAR KEBUDAYAAN KEBANGSAAN (DKK)
7. DASAR BAHASA KEBANGSAAN
8. WAWASAN 2020
9. DASAR BERKECUALI
10. DASAR PEMBANGUNAN NASIONAL 1991
11. DASAR KEBUDAYAAN KEBANGSAAN
12. DASAR EKONOMI BARU (DEB)
13. DASAR PANDANG KE TIMUR
13. DASAR PENGGUNA NEGARA (DPN) 2002
14. DASAR SATU MURID SATU SUKAN
15. DASAR PEMBANGUNAN PENDIDIKAN MALAYSIA

